

► Syaza Wardina Abd Khalik

“ Dakwah ialah prinsip utama kami. Prinsip kedua yang kami ambil ialah sunah menyalin al-Quran yang tidak terhenti sejak hari pertama kami memulakannya. Budaya menyalin dan membukukan naskhah al-Quran, serta mengajarkan orang lain untuk melakukan perkara yang sama, akan tetap dan terus berjalan. Inilah antara usaha kami untuk memperoleh barakah.”



# Al-Quran sebagai Jalan

Kata-kata Pengerusi Eksekutif Yayasan Restu merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Nasyrul Quran, Datuk Abdul Latiff Mirasa, menjentik hati sidang editor majalah *Dewan Tamadun Islam (DTI)*, tatkala berkesempatan mewawancara beliau baru-baru ini di pejabatnya, di Kompleks Nasyrul Quran, Putrajaya. Melihat kejayaan Nasyrul Quran sebagai pusat pengeluaran al-Quran kedua terbesar di dunia selepas Kompleks Percetakan al-Quran Raja Fahd, Arab Saudi, cukup menggambarkan betapa besarnya semangat Datuk Abdul Latiff dan kakitangan beliau dalam usaha menyalin semula nota cinta Rab al-Jalil ini dan seterusnya menyebarkannya ke seluruh pelosok dunia.

## Penubuhan Yayasan Restu

Yayasan Restu merupakan pusat kesenian Islam yang bermula dengan projek penyalinan mushaf al-Quran Malaysia yang pertama dan pengembangan seni Islam


supaya sentiasa terpelihara dan tidak pupus. Dengan visi menjadi pusat pemasyhuran Islam di persada dunia, yayasan ini berpegang teguh pada penyatuan pelbagai ilmu dan kemahiran serta usaha penyelidikan dan pembangunan yang manfaatnya dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1987, Yayasan Restu berkembang pesat dengan penghasilan pelbagai produk yang mempunyai ciri yang unik dan tersendiri. Bertapak di Kompleks Seni Islam Antarabangsa Malaysia, Shah Alam, yayasan ini terkenal dengan penghasilan mushaf al-Quran dan penerbitan berkaitan dengan al-Quran dengan reka bentuk yang eksklusif. Lebih daripada itu, Yayasan Restu juga dikenali sebagai pusat seni warisan Islam, seni kaligrafi, reka bentuk motif budaya kebangsaan serta pusat teknologi maklumat dan komunikasi untuk al-Quran dan hadis.

Yayasan Restu mempunyai lebih daripada 11 jabatan yang menghasilkan produk tersendiri berunsurkan kesenian Islam. Sebelum sebarang kerja lain dilaksanakan, Yayasan Restu akan melaksanakan tugas penyelidikan dan pembangunan secara terperinci. Oleh itu, yayasan ini menjadi pusat rujukan bagi manuskrip, warna dan reka bentuk Islam, serta pusat cenderahati dan kraf Islam di Malaysia. Antara produk Yayasan Restu termasuklah karya kaligrafi, hiasan dalaman, bahan pengiklanan dan perisian Islam.

## Seni dalam mushaf al-Quran

Menyedari kepentingan kesenian Islam dan keperluan untuk melestarikannya, maka Yayasan Restu ditubuhkan untuk menghidupkan semula kesenian Islam di rantau Asia Tenggara dan juga bahagian lain di dunia serta memberikan pendidikan tentang kesenian dan menyebarkan tekniknya ke serata dunia.



# Dakwah

Menurut Datuk Abdul Latiff, projek penyalinan mushaf al-Quran oleh Yayasan Restu bermula pada tahun 1994. Sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia (USM) pada ketika itu, beliau banyak terlibat dengan penyelidikan. Katanya, “Saya suka bergerak dengan sesuatu perkara yang baharu. Jadi, saya memilih untuk bergerak dengan al-Quran sebagai satu bentuk kebaikan dan amal jariah.” Tumpuan Datuk Abdul Latiff pada ketika itu adalah untuk menyalin al-Quran, dengan niat menghasilkan al-Quran berilustrasi penuh menggunakan motif tempatan dan Malaysia, dan yang lebih menarik, menggunakan sepenuhnya khidmat anak tempatan untuk menyalin dan melukis motif dalam mushaf al-Quran tersebut.

“Untuk menghasilkan mushaf pertama Malaysia, saya dan pasukan terlibat dalam proses penyelidikan dan kajian bagi mengumpulkan pelbagai

motif dari seluruh Malaysia, iaitu dari segi flora dan fauna, menggerakkan dan memperkaya motif negeri tersebut. Penyelidikan ini memakan belanja dalam lingkungan RM1.8 juta. Sebagai hasilnya, kami berjaya menggunakan kira-kira 1000 motif dalam penghasilan mushaf al-Quran pertama Malaysia,” jelas Datuk Abdul Latiff.

Pada hakikatnya, proses penghasilan manuskrip mushaf al-Quran bukanlah perkara yang mudah, bahkan memerlukan kajian yang mengambil masa bertahun-tahun lamanya demi melahirkan hasil yang terbaik. Menurut Datuk Abdul Latiff, antara cabaran penghasilan mushaf ini pada peringkat awal adalah dari sudut pemilihan warna Malaysia yang tidak menampakkan unsur jiplak atau plagiat dari negara Arab. Oleh itu, mushaf al-Quran yang dihasilkan memperlihatkan warna sebenar negara ini. Jelas beliau, “Perkara tersebut tidaklah mudah, malah memerlukan proses penyelidikan jangka panjang. Namun begitu, inilah kekuatan Yayasan Restu yang diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif pada ketika itu, Haji Zainuddin Abd Rahman. Proses penyalinan al-Quran memakan masa selama lima tahun, dan keseluruhan projek memakan masa kira-kira 10 tahun. Pada tahun 2000, buat pertama kali dalam sejarah Malaysia, kita berjaya mencetak mushaf al-Quran sendiri.”

Hingga kini, Yayasan Restu mempunyai lebih daripada 10 manuskrip mushaf al-Quran yang disalin khas, dihias dan diwarnakan, sekali gus membolehkan negara ini dikategorikan sebagai negara

yang kaya dengan manuskrip al-Quran. Yayasan ini membawa gaya yang unik dalam usaha memelihara seni mushaf dengan menghasilkan pelbagai jenis mushaf tulisan tangan yang dihias penuh, yang disertai terjemahan dalam pelbagai bahasa. Antara produk al-Quran oleh Yayasan Restu termasuklah al-Quran Nur Fatimah, Mushaf Mahasin al-Huffaz, serta mushaf al-Quran dan terjemahan dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Hausa (Nigeria), bahasa Khmer, bahasa Mandarin dan bahasa Kazakh.

## Nasyrul Quran

Kompleks Nasyrul Quran atau lebih dikenali sebagai Nasyrul Quran merupakan pusat pengeluaran dan pencetakan al-Quran kedua terbesar di dunia yang terletak di Presint 14, Putrajaya. Ditubuhkan pada tahun 2017, kompleks ini memenuhi keperluan domestik dan global terhadap pencetakan naskhah al-Quran bagi memenuhi keperluan populasi Islam yang dijangka mencecah tiga bilion daripada jumlah keseluruhan populasi dunia yang dianggarkan berjumlah sembilan bilion menjelang tahun 2050.

Menceritakan tentang sejarah penubuhan Nasyrul Quran, Datuk Abdul Latiff berkata, “Sasaran kami pada tahun 2000, apabila berjaya menyiapkan mushaf al-Quran Malaysia sendiri, kami ingin menjual naskhah al-Quran dengan tujuan agar duit jualan al-Quran tersebut dapat digunakan untuk Kolej Yayasan Restu dan penubuhan kilang pencetakan al-Quran sendiri. Akan tetapi, untuk membina sebuah kilang memerlukan

usaha dan kegigihan yang tinggi memandangkan kosnya sangat mahal. Hinggalah pada tahun 2015, ketika saya menunjukkan mushaf al-Quran yang tercantik dan terbaharu kepada Perdana Menteri pada ketika itu, beliau menyatakan, 'Inilah al-Quran tercantik yang pernah saya lihat.' Sejak itulah timbul persoalan dalam fikiran saya, 'Jika kita menggunakan al-Quran orang luar selama ini, mengapa kita tidak mengeksport al-Quran sendiri ke negara luar?' Kita telah berpegang dengan mushaf al-Quran dari India dan Arab selama berpuluh-puluh tahun. Oleh itu, sudah tiba masa untuk kita memainkan peranan memperkembang al-Quran Malaysia ke luar negara. Maka itu, timbullah idea untuk menubuhkan Kompleks Nasyrul Quran."

Datuk Abdul Latiff dan kumpulannya kemudiannya pergi ke luar negara selama enam bulan untuk melihat sendiri peralatan perkilangan seperti mesin cetak untuk diletakkan di kilang pencetakan al-Quran yang bakal dibina. Antara negara yang dilawati termasuklah Jerman, Jepun, China, Indonesia dan Turkiye. Tujuannya adalah untuk membuat pembelian terus demi mengurangkan kos pembelian peralatan kilang. Dengan mendapatkan nasihat daripada pengarah sebuah syarikat pencetakan al-Quran

di Malaysia, di samping menjelajah ke luar negara, hal yang demikian memberikan keupayaan kepada Yayasan Restu untuk mewujudkan sebuah institusi pencetakan al-Quran dengan sistem yang terbaik.

### Pengembangan Nasyrul Quran

Perjalanan Nasyrul Quran sebagai pusat pencetakan dan penyebaran naskhah al-Quran ke seluruh pelosok dunia merupakan perjalanan panjang yang sukar dan mencabar. Kata Datuk Abdul Latiff, "Segala perkara yang kami lakukan adalah kerana dakwah dan kami berusaha mendapatkan dana untuk membantu jalan dakwah ini. Sampai suatu masa, kami sedar bahawa lembaran mushaf al-Quran hasil anak tempatan sudah sampai ke tahap yang tinggi. Oleh sebab itu, Kompleks Nasyrul Quran membuka galeri pameran, ruang latihan dan kemahiran, dan galeri eksklusif yang memberikan peluang kepada pengunjung melihat sendiri proses pencetakan al-Quran. Dari situlah kami melihat kekuatan institusi ini."

"Yang kedua, saya telah membawa manuskrip mushaf al-Quran Malaysia ke Turkiye, Jordan, Mesir dan Maghribi, dalam perjalanan yang mengambil masa selama dua minggu. Tujuannya adalah untuk melihat dan mengkaji

sama ada naskhah al-Quran ini menepati standard dan tahap antarabangsa ataupun tidak. Yang memeranjatkan dan menggembirakan kami adalah apabila manuskrip mushaf al-Quran Malaysia dibawa ke negara Arab, mereka terpesona akan keindahan manuskrip tersebut, malah menyatakan bahawa manuskrip tersebut lebih bagus daripada manuskrip yang dimiliki oleh mereka. Mereka tertanya-tanya, bagaimanakah orang Malaysia dapat menghasilkan manuskrip al-Quran yang baik seperti itu? Sambutan yang diterima dari negara luar terhadap manuskrip mushaf al-Quran Malaysia sangat baik. Hal yang demikian memberikan keyakinan kepada kami untuk membuat pameran tentang Nasyrul Quran di Malaysia," jelas Datuk Abdul Latiff.

Selain mengadakan pameran pada setiap tahun di Kompleks Nasyrul Quran dan membuat latihan kemahiran untuk pelajar tempatan, Yayasan Restu juga bijak mengambil peluang dengan meluaskan produknya ke luar negara sekaligus mengembangkan industri kesenian Islam negara ini. Nasyrul Quran juga memainkan peranan mewakafkan kitab suci al-Quran kepada golongan yang memerlukan, dengan sasaran cetakan sebanyak satu juta naskhah al-Quran pada setiap



### Proses Penghasilan Mushaf al-Quran Malaysia

1

Pembangunan struktur dan motif, hanya motif struktur dan bunga yang boleh digunakan.

2

Mengimbas dan melukis struktur dan motif menggunakan perisian AutoCAD.

3

Strategi pewarnaan: Mencari kombinasi warna yang sesuai dan terbaik untuk motif yang dihasilkan.

4

Lembaran diterap dengan daun emas tulen.

tahun. Daripada jumlah ini, 70 peratus disasarkan untuk kegunaan domestik, manakala selebihnya disumbangkan ke negara lain yang memerlukan.

### Membudayakan al-Quran dalam kehidupan

Istimewanya di Kompleks Nasyrul Quran, pengunjung berpeluang membuat lawatan eksklusif ke lantai kilang pencetakan al-Quran melalui festival seni al-Quran anjuran Yayasan Restu yang diadakan pada setiap tahun. Melalui festival ini, pengunjung berpeluang melihat sendiri penghasilan al-Quran di kilang Nasyrul Quran yang melalui proses tertentu.

Yang menariknya, di kompleks ini, Datuk Abdul Latiff mewujudkan budaya baharu yang perlu diikuti oleh kakitangan dan pengunjung Kompleks Nasyrul Quran. Menurut Datuk Abdul Latiff, Kompleks Nasyrul Quran bukan sekadar kilang, malah menempatkan galeri yang memerlukan pengunjung menanggalkan kasut demi menjaga kesucian al-Quran. "Jika saya berjalan tanpa memakai stoking, saya akan pastikan bahawa telapak kaki saya sentiasa bersih, kerana hal inilah yang menjadi penanda aras bahawa kilang dan galeri di kompleks ini dalam keadaan bersih. Inilah keunikan Kompleks

Nasyrul Quran demi meraikan kehebatan dan kesucian al-Quran," ujar Datuk Abdul Latiff.

Di Kompleks Nasyrul Quran, pengunjung akan menyusun kasut dengan rapi di hadapan pintu masuk kompleks, dan apabila pengunjung melihat persekitaran yang bersih di dalam kompleks ini, mereka tidak akan membuang sampah di merata-rata tempat. Hal yang demikian sekali gus melatih masyarakat untuk berdisiplin dalam kehidupan. Demikian hebatnya pemikiran seorang pakar dalam bidang psikologi, Datuk Abdul Latiff, yang berjaya mewujudkan budaya bersih, seiring firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang banyak bertaubat, dan juga mengasihi orang yang sentiasa menyucikan diri." (*Surah al-Baqarah* 2:22). Kata Datuk Abdul Latiff, "Kami wujudkan budaya ini agar setiap pengunjung merasai kelainan yang tersendiri ketika berada di Kompleks Nasyrul Quran. Untuk mewujudkan budaya bersih ini bukan perkara yang mudah, namun alhamdulillah, inilah budaya al-Quran dalam cara kita bekerja dan disemaikan dalam diri pengunjung."

Jika ditelusuri sejarah, tamadun Islam pada 500 tahun dahulu lebih hebat daripada apa-apa yang dilihat pada hari ini. Namun demikian, dengan usaha menyalin semula mushaf

al-Quran bagi meneruskan legasi Sayidina Uthman Affan, Datuk Abdul Latiff berharap dapat meneruskan usaha dari segi peningkatan cetakan dan mempelbagaikan kaedah al-Quran. Menurut beliau, matlamat Nasyrul Quran adalah untuk mencetak dan mengedarkan al-Quran, dengan harapan agar budaya al-Quran dan kesungguhan untuk memahami al-Quran dapat diwujudkan di semua masjid, surau dan rumah di Malaysia.

Dalam kehidupan, satu daripada cara mendekatkan diri kepada Allah SWT adalah dengan memperbanyak tilawah, membaca dan menghayati al-Quran. Hal ini dikatakan demikian kerana al-Quran diturunkan oleh Allah SWT untuk diamalkan dan sebagai petunjuk atau pembuka jalan bagi hamba-Nya yang beriman. Al-Quran bukan sahaja memberikan ketenangan, malah Allah SWT mengangkat martabat golongan yang membaca al-Quran, sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis daripada Sayidina Umar al-Khattab r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah mengangkat martabat beberapa golongan dan merendahkan martabat golongan yang lain dengan sebab al-Quran." (Hadis riwayat Muslim). 

5

Helaian diwarnakan satu per satu oleh sekumpulan pewarna.

6

Ayat al-Quran disalin oleh ahli kaligrafi.

7

Ayat al-Quran disemak dan disahkan.

8

Karya seni akhir dihantar ke Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks al-Quran, Kementerian Dalam Negeri, untuk pengesahan.

9

Karya seni akhir yang dibuat menggunakan komputer dan ozalid disediakan untuk dicetak.

10

Mushaf al-Quran dicetak di Kompleks Nasyrul Quran.